

[Search Newspapers](#)[Browse Newspapers](#)

I am looking for

[Advanced Search ▾](#)[Home](#) > [Berita Harian](#) > [4 September 1965](#) > [Page 5](#) > Bandar baru penchakar langit di-Ulu Klang

Bandar baru penchakar langit di-Ulu Klang

Berita Harian, 4 September 1965, Page 5

Article also available on [Microfilm Reel NL4324](#)[Add to Citation](#)[Previous Article](#)[Next Article](#)[Previous Page](#)[Next Page](#)

Bandar baru penchakar langit di-Ulu Klang

KUALA LUMPUR, Juma'at.
LADANG Wardeiburn di-Jalan Ulu Klang
 akan menjadi sa-buah "Bandar Baru" yang paling moden sa-kali di-Ibukota ini manakala Kerajaan membina kira2 200 penchakar langit 17 tingkat yang mengandungi 42.000 rumah pangsa mulai awal tahun hadapan.

Demikian Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Tuan Khaw Kai Boh memberitahu wartawan2 dalam masa lawatannya ka-kawasan itu pagi tadi.

Beliau menerangkan bahawa projek tersebut yang terbesar sa-kali dalam tahun ini akan menelan perbelanjaan sa-banyak \$150 juta.

Pembentangan yang dibagikan kapada lima perengkat di-jangka akan siap dalam masa 10 tahun.

Menurut Tuan Khaw, lebih daripada 250,000 orang akan dapat menduduki rumah2 pangsa itu yang akan di-sewakan kapada kel-

Information ^



Newspaper:
Berita Harian

Date:
4 September 1965

Reel Number:
NL4324

[^ Scroll to Top](#)Share [Email](#) [Print](#) [Facebook](#) [Twitter](#) [LinkedIn](#)

Table of Contents ^

[< Previous](#) | **Page 5** | [Next >](#)

'Tekanan Pusat': Bantahan Parti Buroh

'Tekanan Pusat': Bantahan Parti Buroh OULAU PINANG, Juma'at x Parti Buroh Milaya bahagian Puiau

Guru2 akan halusi butir rundingan dgn K'jaan

Guru2 akan halusi butir rundingan dgn K'jaan
-CINGAPURA, Jumaat. Kesatuan Guru2 Melayu

Jema'ah haji Malaysia yg terbanyak

Jema'ah haji Malaysia yg terbanyak PULAU PINANG,

[View Full Table of Contents >](#)

luarga2 yang bergaji rendah dan keluarga2 yang di-pindahkan dari kawasan2 sesak.

Sekolah2

"Bandar Baru" itu akan mengandungi beberapa buah sekolah, klinik, balai polis, padang permainan kanak2, pasar, kedai2 dan berbagai2 kemudahan lain untuk keperluan penduduk2 di-situ.

Tuan Khaw menambah bahawa kira2 sa-luas 100 ekar tanah akan di-khasikan untuk kawasan perusahaan ringan sa-lain dari sa-buah kawasan lain untuk pembinaan rumah2 deret bagi kaki-tangan2 Kerajaan.

Projek tersebut yang dibahagikan kepada 11 kawasan berasingan akan meliputi seluroh kawasan ladang itu sa-luas 828 ekar termasok sa-bahagian kecil dari kawasan Ladang Hawthornden.

Berharap

Tuan Khaw berharap dengan pembinaan projek sa-perti itu masa'alah rumah2 haram yang penoh sesak di-sekitar Ibukota ini akan dapat di-atasi.

Kata - n y a: "Kerajaan mandang berat kesukaran orang ramai yang bergaji rendah untuk memileki rumah sendiri atau menyewa rumah2 pangsa yang mahal.

"Dengan pembinaan 42,000 rumah pangsa yang perengkat pertama-nya akan siap dalam tiga tahun lagi, saya berharap semua penduduk rumah2 haram akan berpindah ka-rumah2 baru itu."



KHAW KAI BOH

Related Articles



No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2022 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29

